

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN ‘PROTECT AND WIN’ ANJURAN AGROBANK  
 (“TERMA DAN SYARAT”)**

**1. DEFINISI**

Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang berikut akan mempunyai maksud yang diperuntukkan kepadanya kecuali konteks memerlukan yang sebaliknya:

<b>“BANK”</b>	Merujuk kepada Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) (No. Syarikat 200801010522 (811810-U)) iaitu sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah undang-undang Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 3, Bangunan Agrobank Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur.
<b>“CABUTAN”</b>	Merujuk kepada proses cabutan yang akan dilakukan oleh pihak Bank bagi tujuan pemilihan Pemenang.
<b>“HADIAH KEMPEN”</b>	Merujuk kepada hadiah-hadiah yang ditawarkan bagi Kempen ini sahaja.
<b>“KEMPEN”</b>	Merujuk kepada Kempen ‘PROTECT AND WIN’ yang dianjurkan oleh pihak Bank melibatkan Produk dan/atau Perkhidmatan, tertakluk Terma dan Syarat ini.
<b>“MATA PENYERTAAN”</b>	Merujuk kepada mata yang layak diterima oleh Pelanggan tertakluk kepada Terma dan Syarat Kempen. Jumlah penyertaan Pelanggan untuk Cabutan adalah berdasarkan Mata Penyertaan yang akan diperoleh sepanjang Tempoh Kempen.
<b>“PEMENANG”</b>	Merujuk kepada Pelanggan yang terpilih melalui Cabutan setelah dikenal pasti menepati Terma dan Syarat ini serta layak untuk menerima Hadiah Kempen.
<b>“PEMENANG SIMPANAN”</b>	Bermaksud individu yang seterusnya layak untuk memenangi cabutan bertuah sekiranya Pemenang (iaitu pemenang asal yang terpilih) tidak dapat dihubungi dalam tempoh empat belas (14) hari waktu bekerja dari tarikh Cabutan.
<b>“PELANGGAN”</b>	Merujuk kepada Pelanggan Baru dan Pelanggan Sedia Ada.
<b>“PELANGGAN BARU”</b>	Merujuk kepada pelanggan Bank yang baru melanggan Produk dan/atau Perkhidmatan dalam Tempoh Kempen ini.

<b>“PELANGGAN SEDIA ADA”</b>	Merujuk kepada pelanggan yang telah melanggan sebarang Produk dan/atau Perkhidmatan Bank sebelum Tempoh Kempen.
<b>“PRODUK DAN/ATAU PERKHIDMATAN”</b>	Merujuk kepada produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang perlu dilanggan oleh Pelanggan dalam Tempoh Kempen bagi tujuan kelayakan menyertai Kempen dan/atau pengiraan Mata Penyertaan. Produk dan/atau perkhidmatan yang terlibat adalah Penulisan Wasiat, Produk Takaful (Takaful Kasih Plus, Agro Mabrur-i, Agro Nurani dan Agro Madani), Motor Takaful dan Kad Debit-i Agrobank.
<b>“TEMPOH KEMPEN”</b>	Merujuk kepada tempoh kempen yang bermula dari 1 September 2020 hingga 30 September 2021 atau apa-apa tempoh yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

## 2. KELAYAKAN PENYERTAAN

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua Pelanggan Baru dan Pelangan Sedia Ada. Kakitangan Bank tidak layak untuk menyertai Kempen ini.
- 2.2 Pelanggan yang ingin menyertai Kempen ini diwajibkan:
- melanggan mana-mana produk Takaful; dan
  - mempunyai Kad Debit-i Agrobank yang aktif ATAU melanggan Kad Debit-i Agrobank.

Nota:

- Bagi mengelakkan kekeliruan, langganan Motor Takaful tidak dikira sebagai syarat kelayakan menyertai Kempen.
- Walaubagaimanapun, Pelanggan yang melanggan Motor Takaful dalam Tempoh Kempen akan mendapat Mata Penyertaan sebagai tambahan kepada lain-lain Mata Penyertaan yang terkumpul melalui langganan mana-mana produk Takaful dan Kad Debit-i Agrobank, tertakluk kepada Terma dan Syarat ini.

## 3. MEKANISMA KEMPEN

- 3.1 Kempen ini berkonseptan cabutan bertuah di mana apabila Pelanggan yang layak menyertai Kempen ini melanggan Produk dan/atau Perkhidmatan, Pelanggan tersebut akan mendapat Mata Penyertaan mengikut Terma dan Syarat ini.

3.2 Jumlah Mata Penyertaan yang terkumpul sehingga akhir Tempoh Kempen akan diambil kira untuk membuat Cabutan.

3.3 Kiraan Mata Penyertaan bagi Produk dan/atau Perkhidmatan adalah seperti mana di bawah:

**a) Penulisan Wasiat**

Penulisan wasiat (MyAngkasa Amanah Berhad)	4 Mata Penyertaan
Penulisan wasiat (Amanahraya Berhad)	4 Mata Penyertaan

**b) Produk Takaful**

<b>Takaful Kasih Plus</b>	
TKP 3 (RM53)	1 Mata Penyertaan
TKP 4 (RM106)	2 Mata Penyertaan
TKP 5 (RM212)	3 Mata Penyertaan
TKP 6 (RM318)	3 Mata Penyertaan
<b>Agro Mabrur-i</b>	
Plan 1 (RM75)	1 Mata Penyertaan
Plan 2 (RM135)	2 Mata Penyertaan
Plan 3 (RM195)	3 Mata Penyertaan

<b>Agro Nurani</b>	
Plan Ehsan (RM55)	1 Mata Penyertaan
Plan Amal (RM85)	2 Mata Penyertaan
Plan Azim (RM130)	3 Mata Penyertaan

<b>Agro Madani</b>	
Plan Zamrud (RM60)	1 Mata Penyertaan
Plan Emas (RM150)	2 Mata Penyertaan
Plan Berlian(RM240)	3 Mata Penyertaan

**c) Motor Takaful**

- i. Pelanggan perlu melanggan Motor Takaful dengan jumlah sumbangan sebanyak RM800 dan ke atas.
- ii. Pelanggan layak menerima satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap jumlah sumbangan RM500.

#### d) Kad Debit-i Agrobank

<b>Kad Debit-i Agrobank</b>	
Pengaktifan Kad Debit-i Agrobank	1 Mata Penyertaan
Langganan Kad Debit-i Agrobank (Hanya terbuka kepada Akaun Simpanan Tawarruq)	1 Mata Penyertaan
Penggantian Kad Debit-i Agrobank	1 Mata Penyertaan

Nota:

- a. Mata Penyertaan yang dinyatakan di atas hanyalah bagi langganan **baru** Kad Debit-i Agrobank.
- b. Pelanggan yang mempunyai Kad Debit-i Agrobank yang **aktif** semasa tempoh Kempen layak untuk menyertai Kempen ini. Walaubagaimanapun, tiada Mata Penyertaan yang akan diberikan kepadanya.
- c. Untuk langganan Kad Debit-i baharu, hanya pelanggan yang membuka akaun simpanan tawarruq layak menyertai kempen ini.

#### 4. Hadiah Kempen

4.1 Hadiah yang ditawarkan kepada para Pemenang adalah seperti di bawah:

- a) Proton X70 1.8 TGDI x 1 unit
- b) Set Barang Kemas x 2 unit
- c) Motorsikal Yamaha Y15-ZR x 5 unit

#### 5. Pemilihan Pemenang

- 5.1 Pelanggan perlulah mematuhi Terma dan Syarat telah ditetapkan untuk melayakkan diri menyertai Kempen ini.
- 5.2 Pemilihan Pemenang akan dijalankan berdasarkan kaedah Cabutan pada tarikh dan lokasi yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Cabutan dibuat berdasarkan jumlah Mata Penyertaan Pelanggan.

5.3 Kaedah Cabutan elektronik akan digunakan bagi proses pemilihan di mana ianya akan dipantau oleh jawatan kuasa pemilihan yang dilantik oleh pihak Bank. Sebarang keputusan hasil daripada Cabutan yang dilakukan adalah muktamad. Sebarang rayuan, bantahan atau pertanyaan daripada Pelanggan tidak akan dilayan.

## **6. Pemakluman Pemenang**

- 6.1 Pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank menggunakan maklumat diri yang telah diberikan kepada pihak Bank. Sekiranya Pemenang tersebut tidak dapat dihubungi kerana maklumat yang telah diberikan adalah salah, hadiah tersebut akan diberikan kepada Pemenang Simpanan.
- 6.2 Nama Pemenang akan diumumkan di laman web rasmi Bank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my).
- 6.3 Selain itu, surat Pemenang akan diberikan kepada Pemenang melalui pihak ibu pejabat atau cawangan Bank yang berdekatan.

## **7. Tuntutan Hadiah**

- 7.1 Hadiah yang dimenangi oleh Pemenang tidak boleh dipindahmilik kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dari segi spesifikasi hadiah seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Bank.
- 7.2 Hadiah yang ditawarkan adalah seperti yang telah dimaklumkan kepada Pelanggan dan pihak Bank berhak untuk mengubah atau menukar hadiah yang ditawarkan kepada produk, model, jenama atau spesifikasi yang lain berdasarkan nilai hadiah yang ditawarkan tanpa memberikan sebarang notis sebelum perubahan tersebut berkuatkuasa.
- 7.3 Pemenang perlu membuat tuntutan hadiah dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja bermula dari tarikh Pelanggan dihubungi oleh pihak Bank. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan Pemenang hilang kelayakan untuk menerima hadiah tersebut dan pihak Bank seterusnya berhak memberikan hadiah tersebut kepada Pemenang Simpanan.

## **8. Lain-lain terma dan syarat**

- 8.1 Pihak Bank berhak untuk menukar atau meminda mana-mana terma di dalam Kempen atau mana-mana bahagian di dalam Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu.
- 8.2 Pihak Bank berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan terhadap Kempen ini oleh pihak Bank, Pelanggan adalah tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada pihak Bank untuk mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan secara langsung atau tidak langsung terhadap pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- 8.3 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan adalah dianggap telah membaca dan memahami serta bersetuju dengan perkara-perkara berikut:
- a) Pelanggan adalah terikat dengan Terma dan Syarat ini;
  - b) Pelanggan memberikan kebenaran kepada Bank untuk menggunakan, memaparkan atau menerbitkan nama, gambar dan lain-lain maklumat berkaitan Pemenang bagi tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang kos atau pampasan kepada Pelanggan.
  - c) Pelanggan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk memproses data peribadi Pelanggan bagi tujuan Kempen ini termasuk untuk mentadbir penyertaan Pelanggan dalam Kempen ini dan memproses data peribadi Pelanggan mengikut Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
  - d) Bagi mematuhi peruntukan-peruntukan berhubung privasi data peribadi pelanggan, pihak Bank telah memperkenalkan Notis Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Notis PDP"). Bagi tujuan Kempen ini, termasuklah berkenaan perenggan 8.3 (b) dan (c) di atas, Notis PDP tersebut adalah terpakai dan mengikat Pelanggan. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk kepada Notis PDP tersebut dengan melayari laman web rasmi Bank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my).
  - e) Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian, kecederaan atau kehilangan nyawa dan/atau barang-barang atau apa-apa kerosakan walau apa pun atau bagaimana juar pun yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang timbul atau akibat langsung atau tidak langsung secara keseluruhan atau sebahagian daripada atau disebabkan penyertaan Pelanggan di dalam Kempen ini atau Hadiah Kempen.
  - f) Pihak Bank juga tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan mana-mana tanggungjawab yang berkaitan dengan Kempen ini

disebabkan oleh perkara diluar kawalan pihak Bank termasuklah kejadian alam semulajadi, pererangan, rusuhan, mogok, kebakaran, banjir atau mana-mana situasi di luar kawalan pihak Bank.

- 8.4 Sekiranya terdapat ketidakselarasan di antara Terma-terma dan Syarat-syarat ini (dalam versi Bahasa Malaysia) dan mana-mana risalah, bahan-bahan pemasaran atau promosi yang berkaitan dengan Kempen atau promosinya, Terma dan Syarat ini hendaklah terpakai dan mengatasi lain-lain dokumen tersebut.
- 8.5 Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir berdasarkan undang-undang Malaysia.

\*\*\*\*\*

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Agrobank 1300-88-2476 atau layari laman web Bank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my) atau kunjungi mana-mana cawangan Agrobank.